

Bil. S 30

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (ATURAN-ATURAN HUTAN) (PINDAAN), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Aturan-Aturan Hutan) (Pindaan), 2000 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada hari yang sama sebagaimana Perintah Darurat (Akta Hutan) (Pindaan), 2000.

Pindaan aturan 30.

2. Aturan 30 dari Aturan-Aturan Hutan, dalam Perintah ini disebut sebagai Aturan-Aturan tersebut, adalah dipinda dengan memotong "Minor penalties" dari nota tepi dan menggantikannya dengan "Offences".

Pindaan aturan 31.

3. Aturan 31 dari Aturan-Aturan tersebut adalah dipinda dengan memotong "Major penalties" dari nota tepi dan menggantikannya dengan "Further offences".

Pindaan Aturan-Aturan.

4. Aturan-Aturan tersebut adalah dipinda dalam aturan-aturan yang dinyatakan dalam ruang pertama yang tertera di bawah ini dengan memotong perkataan-perkataan dan angka-angka yang dinyatakan bertentangan dengannya dalam ruang kedua dan menggantikannya dengan perkataan-perkataan dan angka-angka yang dinyatakan bertentangan dengannya dalam ruang ketiga.

Aturan	Potong	Gantikan
30	"of \$800 and imprisonment for 3 months"	"and imprisonment for 5 years"
31	"of \$8,000 and imprisonment for 6 months"	"and imprisonment for 5 years"

Pemasukan aturan 27A yang baru.

5. Aturan-Aturan tersebut adalah dipinda dengan memasukkan aturan baru yang berikut sejurus selepas aturan 27.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

"Bayaran
Jadual Ketiga. 27A. Bayaran yang ditetapkan dalam ruang kedua Jadual Ketiga hendaklah kena dibayar berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang pertama."

Tambahan Jadual Ketiga.

6. Aturan-Aturan tersebut adalah dipinda dengan menambah Jadual baru yang berikut —

"JADUAL KETIGA (aturan 27A)

PERKHIDMATAN	BAYARAN
1. Pentadbiran	
(a) Bayaran pendaftaran kontraktor	\$10.00
(b) Borang sebut harga	\$5.00
(c) Borang tender	
(i) untuk tender \$100,000.00 ke bawah	\$10.00
(ii) untuk tender \$100,000.00 ke atas	\$15.00
2. Permit import	
(a) dengan lori	\$20.00
(b) dengan baj	\$40.00
3. Pengawetan kayu	
(a) untuk Agensi-Agensi Kerajaan	\$50.00/meter padu
(b) untuk orang ramai	\$75.00/meter padu
4. Bilik pengering	\$100.00/meter padu
5. Taman Negara	
(a) Bayaran masuk	\$5.00
(b) Sijil taman	\$5.00

JADUAL KETIGA (Sambungan)

PERKHIDMATAN	BAYARAN
(c) Penginapan taman —	
Chalet Jenis A	\$15.00
Chalet Jenis B	\$10.00
Chalet Jenis C	\$8.00
Chalet Jenis D	\$8.00
(d) Linen, sarung bantal, selimut, dan seumpamanya	\$10.00
6. Permohonan bagi konsesi baru	\$100.00
7. Penandaan pokok	\$50.00
8. Pengukuran dan penandaan sempadan bagi kawasan konsesi baru	\$500.00
9. Borang II	\$10.00
10. Lesen kecil	\$2.00
11. Pengeluaran dan pembaharuan kilang papan; kilang perabot, iaitu mesin atau kumpulan mesin yang boleh digunakan bagi pemprosesan seterusnya kayu, rotan atau buluh kepada perabot atau bahagian-bahagian perabot; kilang pertukangan kayu, iaitu mesin atau kumpulan mesin yang boleh digunakan bagi pemprosesan seterusnya kayu, rotan dan buluh yang dapat dijadikan barangan siap atau separuh siap selain dari kayu gergaji kasar; pengawetan; dan lesen loji bilik pengering; iaitu lesen untuk ruang yang dapat menentukan kayu ke tahap kandungan lembapan yang dikehendaki melalui penggunaan proses-proses haba, elektrik, suria dan kimia	Mengikut budi bicara
12. Pengeluaran dan pembaharuan lesen pembalakan	\$100.00

JADUAL KETIGA (Sambungan)

PERKHIDMATAN	BAYARAN
13. Penggunaan kawasan tanah Bakau	
(a) untuk pemegang-pemegang permit (sewa tahunan)	\$500.00
(b) untuk pengimport (satu tanah)	\$100.00
14. Penjualan contoh-contoh kayu	
(a) contoh cerai (set minimum 5)	\$10.00
(b) set mewah (set lebih kurang 30)	\$80.00".

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 21 haribulan April, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**